

11/08/1999

400 perwakilan, pemerhati hadir konvensyen Pemuda BN

KOTA KINABALU, Selasa - Seramai 400 perwakilan dan pemerhati dari seluruh negara akan menghadiri Konvensyen Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Tuaran pada 18 hingga 22 Ogos ini.

Ketua Pergerakan Pemuda BN Sabah, Juhari Janan, berkata konvensyen itu menghimpunkan kesemua 14 pergerakan Pemuda parti komponen BN termasuk Umno, MCA, MIC, Gerakan, Parti Demokratik Sabah (PDS), Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Beliau berkata, setiap parti diwakili 20 perwakilan, kecuali Umno yang diwakili 80 perwakilan, masing-masing 40 dari Semenanjung dan 40 lagi dari Sabah, manakala selebihnya pemerhati.

Konvensyen ini dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sementara penutupannya disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, katanya ketika dihubungi, hari ini.

Juhari berkata, pada hari pertama, satu forum akan diadakan antara pemimpin pergerakan Pemuda dengan beberapa presiden parti komponen BN yang dijemput.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah berkata, sebanyak empat kertas kerja dibentang dalam konvensyen lima hari itu.

Mengenai agenda konvensyen, beliau berkata antaranya persiapan menghadapi pilihan raya umum, memantapkan jentera menghadapi alaf baru dan menyediakan plan bertindak memperkuatkan BN menghadapi apa juga cabaran.

"Menerusi konvensyen ini juga kita akan menyediakan satu ketetapan untuk diserahkan kepada pucuk pimpinan BN yang dikenali Deklarasi Tuaran," katanya.

(END)